

**Umno P.Pinang Tidak Mahu Jawatan Presiden, Timbalan Presiden Dipertandingkan Bernama
2 Sept, 2013**

GEORGE TOWN, 2 Sept (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang membuat ketetapan supaya jawatan presiden dan timbalan presiden Umno tidak dipertandingkan dalam pemilihan pucuk pimpinan parti Oktober ini.

Pengerusinya Datuk Zainal Abidin Osman berkata keputusan mengekalkan Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak dan timbalannya Tan Sri Muhyiiddin Yassin adalah berdasarkan sokongan padu rakyat terhadap parti itu.

Selain itu, katanya kepimpinan gandingan mantap itu terbukti dalam parti sehingga membawa kejayaan dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13), Mei lepas.

"Semua 13 Ketua Bahagian Umno di negeri ini juga sebulat suara berpendapat Perdana Menteri dan timbalannya adalah pemimpin yang paling layak untuk terus memimpin parti menjadi lebih kuat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat badan perhubungan Umno negeri itu di sini Isnin.

Dalam usaha mengukuhkan parti adalah wajar untuk tidak berlaku pertandingan dua jawatan tertinggi parti, katanya.

Yang turut hadir Timbalan Pengerusinya Datuk Seri Dr Hilmi Yahya, yang juga Timbalan Menteri Kesihatan.

Zainal Abidin berkata mesyuarat itu juga telah bersetuju untuk melantik Ketua Umno Bahagian Bukit Mertajam Datuk Musa Sheikh Fadzir sebagai setiausaha badan perhubungan Umno negeri bagi menggantikan bekas Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penaga, Datuk Azhar Ibrahim yang bersara.

Katanya ADUN Pinang Tunggal, Datuk Roslan Saidin dilantik sebagai bendahari bagi menggantikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop yang bersara dan Anggota Parlimen Gelugor Shahbudin Yahya dipilih sebagai Ketua Penerangan bagi menggantikan Dr Hilmi.

"Rombakan kecil itu akan menguatkan lagi jentera Umno Pulau Pinang untuk terus memberi perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk negeri, walaupun Barisan Nasional (BN) tidak memerintah di sini," katanya.

Sementara itu, Zainal Abidin berkata beberapa Ketua Bahagian akan melepaskan jawatan mereka bagi memberi laluan kepada muka baharu dan golongan muda untuk menerajui Umno di peringkat bahagian.

"Saya difahamkan beberapa muka baharu akan menerajui Umno bahagian selepas ketua masing-masing mahu melepaskan jawatan. Saya harap semua proses pertandingan ketua bahagian berjalan lancar tanpa berlaku perpecahan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=974521>

